MENGENAI KEMENANGANNYA  
"Sebelum ini pun saya anggap saya sudah menjadi HERO, tetapi sekarang saya benar-benar gembira. Pengetahuan yang saya perolehi lebih berharga daripada apa jua lawatan yang saya menang. Terima kasih GAB kerana menganjurkan idea yang sangat baik. Saya benar-benar puas hati dan gembira dan teruskanlah kerja yang baik ini."

## ENHANCING CHARISMA

VIIAJAN A/L BALOO (VIJAY)  
Bar Supervisor  
Penyelia Bar  
Laundry Bar

The vivacious Vijay did not expect the thoroughness of the course when he heard about it from his bosses. "They teach you about product knowledge, about service, about how you should tap the beer – everything overall about F&B – it's a mini course where you get everything, the course was superb," he explains.

Vijay yang ceria dan periang tidak menyangka betapa lengkapnya kursus ini bila diberitahu oleh ketua-ketuaanya. "Kita diajar tentang pengetahuan produk, perkhidmatan, cara-cara menarik bir – malah keseluruhannya tentang F&B – ia merupakan kursus ringkas di mana anda mempelajari segala-galanya, kursus ini sangat mengagumkan," jelasnya.





## FOSTERING LEADERSHIP SKILLS

ALVIN HENG MENG HUA  
Assistant Operations Manager  
Zouk Club  
Penolong Pengurus Operasi  
Kelab Zouk

As part of the management team in Zouk, Alvin was quite surprised when he was selected to join the course because, as he explains, "Only the best of the best were given the opportunity to enrol." As there are no formal courses or trade qualifications available to frontline staff in Malaysia, he was very pleased and appreciative of GAB's initiative, and hopes it will be offered more frequently. "GAB offering bar management modules such as costings, planning and marketing will make this already-excellent course even better," he concludes.

Sebagai sebahagian daripada pasukan pengurusan di kelab Zouk, Alvin agak terkejut apabila terpilih untuk menyertai kursus ini. Jelasnya, "Hanya yang terbaik daripada yang terbaik sahaja diberi peluang untuk menyertainya." Memandangkan tiada kursus formal atau kelayakan perdagangan yang disediakan untuk kakitangan barisan hadapan di Malaysia, dia sangat gembira dan menghargai initiatif GAB, dan berharap ia akan ditawarkan lebih kerap. "Kalau GAB menawarkan modul-modul pengurusan bar seperti pengekosan, perancangan dan pemasaran, kursus yang sudah sangat baik ini akan menjadi lebih baik," tambahnya.



### ON WINNING

"Thanks to Zouk management, and also to Sam and Andy our mentors. I feel like an actor receiving a Golden Globe award! But the most important thing is not that I won, but what we have all learnt during the HERO Academy course, and the time we shared. It was fun and interesting!"

### MENGENAI KEMENANGANNYA

"Terima kasih kepada pengurusan Zouk, dan juga kepada Sam dan Andy mentor kami. Saya terasa sebagai pelakon yang menerima anugerah Golden Globe! Namun yang penting bukan kemenangan saya, sebaliknya apa yang dipelajari semasa kursus Akademi HERO, dan masa yang kita kongsikan bersama. Ia sungguh menarik dan menyeronokkan!"



## BETTERING CUSTOMER SERVICE

YONG CHOONG WOOI (WILLIAM)  
Operations Man  
Pengurus Operasi  
Coco Pub

William joined the Academy course to improve his skills and his product knowledge, and in his own words, "it was amazing, and fun. I learnt a lot from it." He attributes his improved conversational skills and better understanding of customer needs to the course. "Participation is key, and I hope GAB will be able to bring the trainers to the outlets for staff training."



William menyertai kursus di Akademi untuk memperbaiki kemahirannya dan pengetahuan mengenai produk, dan menurutnya, "ia sungguh mengagumkan dan menarik. Saya mendapat banyak pelajaran daripada kursus ini." Dia mengakui kemahirannya dalam membuat perbualan dan kefahaman terhadap keperluan pelanggan yang lebih baik adalah hasil daripada kursus tersebut. "Penyertaan adalah kunci segala-galanya, dan saya harap GAB akan dapat membawa para jurulatih ke cawangan-cawangan lain untuk memberi latihan kepada kakitangan."



### ON WINNING

"This was totally unexpected! I am very happy and honoured to be selected, even though I am one of the oldest. GAB has done a very good job and I very much appreciate it."

### MENGENAI KEMENANGANNYA

"Memang tidak tersangka sama sekali! Saya sangat gembira dan bangga kerana terpilih, walaupun saya adalah di antara yang paling tua. GAB telah melakukan tugas yang sangat baik dan saya amat menghargainya."

## THE REST OF THE BEST LAIN-LAIN YANG TERBAIK



NUR SHAHADA LIM @ BEE HWAN  
Training Manager  
Chili's Empire Subang

Bee Hwan joined the Academy so that she could learn something and bring it back to her staff. "It was very good; the trainer taught us information and knowledge that we never thought of, and we now can do better, especially on how to handle difficult guests and on drinking responsibly," she elaborates. "I appreciate so much that they've given us this opportunity, and I hope this is an ongoing thing."



RONALD I TERRE  
Pelayan  
TGIF Subang Parade

Seorang pengurus TGIF mencalonkan nama Ronald untuk mengikuti kursus ini, dan pelayan Filipino pendiam ini sangat gembira. "Kursus ini sangat menyeronokkan dan sudah pasti merupakan satu pengalaman pembelajaran," katanya dengan gembira. "Saya amat suka mengikuti sesi mengenai mutu dan kepentasan layanan, pengetahuan mengenai bir dan gandingan makanan. Terima kasih GAB untuk peluang ini."



KHAIRIL ANUAR BIN MAHADI (KIT)  
Bar Captain  
Bossa Nova, Parkroyal KL

Kit mengetahui tentang Akademi GAB daripada rakan sekerjanya, tetapi tidak menyangka bahawa dia sendiri dapat menyertainya. "Pengalaman saya dalam kursus ini sungguh menakjubkan, saya dapat mempelajari banyak perkara, terutama tentang sejarah bir, cara pembuatan bir, dan perkhidmatan pelanggan." Kit amat berterimakasih kepada Sam, Andy, dan juga kepada Pengarah Pemasaran GAB.



JASON SEBASTIAN ANTHONY  
Assistant Manager  
Jarrod & Rawlins

Jason credits the improvement to his skills at maintaining good relationships with his customers to the HERO Academy. "Good communication skills are as essential as teamwork to ensuring the success of an establishment, and the HERO Academy has given me the opportunity to hone mine," he elaborates.



ANDREW CHEAH WENG HOE  
Bar Captain  
Bamboo9

Andrew hopes that bar staff will be able to get more support and professional training so that they can equip themselves with the right skills to excel in their vocations. "For an establishment to maintain high service standards, staff members need to work together to ensure smooth daily operations. I am very pleased that GAB offers bar staff this opportunity to hone their skills and build team spirit."



MOHD NIJAM BUJANG (MEL)  
Penolong Pengurus  
7atenee

Setelah diperkenalkan kepada Akademi oleh seorang kawan, Mel yang ranggi telah meminta kebenaran pihak pengurusannya untuk menyertai kursus ini, dan mereka terus menghantarnya ke sana. Sesungguhnya dia sangat seronok mengikuti kursus tersebut: "Saya boleh gunakan pengetahuan yang saya pelajari dalam menjalankan operasi harian, saya berasa lebih selesa membincangkan tentang bir, dan berasa lebih yakin bila berhadapan dengan para pelanggan. Sekiranya berpeluang pergi sekali lagi, saya akan pergi!" Mel mencadangkan supaya GAB mengaturkan supaya para peserta boleh bekerja di cawangan satu sama lain sebagai sebahagian daripada kursus latihan.

## Market Leadership Through Change and Growth Kepimpinan Pasaran Melalui Perubahan dan Pertumbuhan



Guinness Anchor Berhad (GAB) has enjoyed a stunning 8-year period of steady growth, transforming the way we do business, interact with our stakeholders, treat our staff, and impact the communities we serve. It would be appropriate at this time to look back on some of these changes, and examine their impact on the growth of our people, brands and performance. The ICON takes a trip down memory lane with senior GAB staff members on our upward march towards becoming an icon in business, respected the world over.

**“The ICON takes a trip down memory lane”**

**“ICON mengimbas kembali perjalanan yang ditempuh”**

Guinness Anchor Berhad (GAB) telah menikmati pertumbuhan yang hebat selama tempoh 8 tahun, mengubah cara kita menjalankan perniagaan, berinteraksi dengan pemegang kepentingan, menguruskan kakitangan kita, dan memberi impak kepada masyarakat sekeliling kita. Justeru, wajarnlah pada peringkat ini kita meninjau beberapa perubahan ini, dan mengkaji kesannya terhadap pertumbuhan kakitangan, jenama dan prestasi kita. Bersama-sama pegawai-pegawai kanan GAB, ICON mengimbas kembali perjalanan yang ditempuh ke arah tercapainya mercu kejayaan sebagai ikon perniagaan yang dihormati di merata dunia.

# Focus

## Investing in our People Pelaburan dalam Pekerja Kita



**SUJITHA RAJARATNAM**  
Director of Human Resources  
Pengarah Sumber Manusia

I remember 3 years ago when Charles said we had to **prioritise our people**. After all, people were **our greatest asset** – it was our people that made GAB a great company. We needed people in fighting form, which is why we formulated the **7 HR Pillars**, to prioritise people initiatives. We have **increased our training and development budget**, thus equipping our employees with the right skills for their job. We took training to the regions, saving travel time and reducing work disruption.

GAB has participated in remuneration surveys and the Management Team is working to ensure **everyone is compensated fairly**, setting clear policies on our pay administration and providing good bonuses. We have geared up our efforts to become a **caring employer** through healthy living initiatives, Family Day, sports activities and improved healthcare coverage. Overall, people are more open and feel they can freely voice their opinion. The **work culture is healthier**, teamwork is stronger and best of all, the rewards and recognition make it all worthwhile!

Change engenders change, and the HR department has changed as well. We are trying to step up what we can do for our fellow employees, and to better engage with all of you, so that everyone is well-informed about what's happening in the business. Hence, we brought out HR4U to keep you informed on HR matters. We intend to **keep the 7 HR Pillars alive**, and make continual improvements to showcase GAB as an iconic employer.

Saya ingat 3 tahun lalu apabila Charles berkata kita perlu **mengutamakan kakitangan kita**. Kita perlu kakitangan yang bersemangat, jadi kita memperkenalkan dan melaksanakan **7 Rukun HR**. Kita telah **menambahkan bajet latihan dan pembangunan**, dan menganjurkan latihan ke peringkat daerah, menjimatkan waktu perjalanan dan mengurangkan gangguan tugas. Pihak Pengurusan berusaha untuk memastikan **setiap pekerja mendapat bayaran selimpal**, mewujudkan dasar-dasar yang telus mengenai pengurusan gaji dan menyediakan bayaran bonus yang baik. Kita telah meningkatkan usaha kami menjadi **majikan yang prihatin**. Hasilnya ialah **budaya kerja yang lebih sihat**, sikap bekerjasama yang lebih kukuh dan terbaik sekali, ganjaran dan pengiktirafan yang diterima menjadikan semua usaha ini berbaloi!

Jabatan Sumber Manusia (HR) juga mengalami perubahan. Untuk memastikan setiap orang dimaklumkan dengan jelas tentang apa yang berlaku dalam GAB, kita terbitkan HR4U. Kita berazam untuk **terus menghidupkan 7 Rukun HR**.

## Bigger Brands, Better Business Jenama Lebih Unggul, Perniagaan Lebih Baik



**YAP SWEE LENG**  
Regional Sales  
Pengurus Jualan Daerah

I definitely **enjoy working** in the GAB of today more than the one I joined 12 years ago. There has been significant progress in GAB corporate and brand share since I joined in 1998. Then, GAB was the 'underdog' with 45% market share and Carlsberg Brewery Malaysia Berhad (CBMB) was the Malaysian beer industry's 'icon'.

The HEINEKEN brand (which I worked with when I first joined) was barely 1% of the market, and getting the Sales Team's focus was a big challenge. It was even a bigger challenge to convince the outlets to sell it! As for the TIGER brand, it was about half of its current size, and a distant second to Carlsberg Green Label. Now, **TIGER** could very well be **the biggest brand in Malaysia**!

Corporate and brand **success** all **start** with a **big Vision** and putting in effort across all departments to drive the Vision. Having a clear brand ambition and consistently delivering our 'brand promise' to our consumers is crucial, so if HEINEKEN is about being the leading premium brand in the market, then there can be no playing around on pricing, the giveaway 'premiums' for our promotions must have good quality standards, etc. We have **consistently improved** on our execution of TIGER FC, HEINEKEN Music, GUINNESS St Patrick's Day every year, and the brands are all **reaping the benefits** of our program

Saya lebih **seronok bekerja** di syarikat GAB hari ini berbanding dengan 12 tahun lalu. Ketika itu, GAB merupakan pemain tumbuhan dengan hanya 45% pasaran dan Carlsberg Brewery Malaysia Berhad (CBMB) merupakan ikon industri bir di Malaysia. Masa itu, HEINEKEN hanya dapat menembusi lebih kurang 1% pasaran, dan usaha mengekalkan fokus Pasukan Jualan ialah cabaran besar. Kita menghadapi cabaran lebih besar untuk meyakinkan kedai-kedai supaya menjual jenama ini! Saiz pasaran TIGER pula hanya separuh berbanding sekarang, dan adalah jenama kedua popular selepas Carlsberg Green Label. Hari ini, **TIGER** mungkin merupakan **jenama paling besar dan terkenal di Malaysia**!

**Kejayaan** korporat dan jenama **bermula** dengan **konsep Wawasan besar** dan memacu usaha di semua jabatan supaya mengamalkannya. Usaha berterusan untuk menuaikan 'janji jenama' kepada para pengguna sangat penting. Kita **terus memperbaiki** pelaksanaan TIGER FC, Muzik HEINEKEN, sambutan Hari St Patrick GUINNESS pada setiap tahun, dan kesemua jenama ini kini **berjaya meraih keuntungan** melalui program-program kita.

## Leading the Way Mendahului Pasaran



BILLY LEE  
Head of Sales  
Development  
Ketua Pembangunan  
Jualan

GAB has seen a shift in **malt liquor market (MLM) share from 47% to 57%**. A big factor of this growth is, in my opinion, the 5 major sales changes during the last few years which have made us more effective and efficient in serving our customers. **Project COMIT** was the 1st big sales change. We equipped our Sales Representatives (SRs) (and later, Distributor SRs) with handhelds and introduced Macola technology to our distributors, enabling us to perform call cycle planning, distribution and freshness measurement, promotion management and analysis as well as customer profitability and pricing management.

**Distributor Vision 2008** saw us rationalise our distributors by 50%, where our current active distributors **grew on average 40% in sales volume** and about **85% in size**. **Project Switch** was about changing the gratis system (trade offer) to nett pricing (price after discount). Besides getting us Goods and Services Tax (GST) ready, we also achieved better efficiency, reduced paperwork (POFs) and better gratis claims control. **Project Whip** is a structured, fair and transparent trading terms model, which empowers our sales team to make deals, resulting in more outlets signing on with us than the competitor. **Project 4D** is a new route to market where we deployed more feet on the street to increase outlets penetration. We **need to constantly change** to be relevant and progressive, and ultimately, we must never be afraid to embrace change as the market dynamics and trends are always changing.

GAB telah menyaksikan peningkatan dari segi **MLM daripada 47% kepada 57%**. Pada pendapat saya, faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan ini ialah 5 perubahan jualan besar sejak beberapa tahun lalu. **Projek COMIT** merupakan perubahan jualan besar yang pertama. Kita memberi kakitangan kita komputer genggam (handhelds) dan memperkenalkan teknologi Macola kepada para pengedar kita, lalu membolehkan kita melaksanakan pelbagai proses dengan lebih lancar. **Distributor Vision 2008** berjaya menurunkan nombor pengedar kita sebanyak 50%, di mana pengedar kita telah berjaya **meningkatkan purata sebanyak 40%** dari **segi jualan dan 85%** dari **segi saiz**.

**Projek Switch** adalah tentang perubahan daripada sistem gratis kepada harga bersih. Selain membuat persiapan untuk GST, kita juga berjaya mencapai keberkesan yang lebih baik. **Projek Whip** pula memperkasakan pasukan jualan kita menjalankan rundingan. Ini menghasilkan lebih banyak kedai menandatangani persetujuan jualan dengan kita berbanding pesaing kita. **Projek 4D** merupakan laluan baru untuk menambahkan lagi penembusan pasaran. Kita **perlu terus berubah**, dan kita tidak boleh takut untuk menerima perubahan memandangkan dinamika dan trend pasaran sentiasa berubah.

## Initiating a Chain Reaction Memulakan Reaksi Berangkai



TAN SENG KIAT  
Operations Manager  
(Packaging and Engineering)  
Pengurus Operasi  
(Pembungkusan dan  
Kejuruteraan)

Major changes which I believe had significant impact on GAB were the **organisational changes**, the **investment in brewing automation** and the implementation of **Total Process Management (TPM)**. They helped propel GAB to be better at our business. As we improved at our jobs, this spurred us on to improve even more, and increased productivity in one area led to increased productivity elsewhere.

The organisational **changes** were painful and hard on all of us during the voluntary retrenchment exercise, resulting in many people leaving GAB; however, without it, we would not be as competitive today. The **upgrading** of brewing automation and TPM also improved and stabilised our product quality and enhanced our work environment. The introduction of **new technology** enables us to work efficiently, while **TPM** enables our mindset to change to create a continuous improvement culture.

At first, it was difficult to accept the changes; however, once our staff realised the benefits and saw the positive aspects of it, they engaged, supported and embraced the changes. It wasn't an easy process, and we were forced to change in order to survive. Today, we're still struggling with new changes. However, as long as we're aligned and **sharing the same business values**, we will evolve and emerge to be even stronger.

Saya percaya bahawa perubahan-perubahan besar yang meninggalkan kesan yang ketara ke atas GAB ialah **perubahan organisasi, pelaburan untuk mengautomasikan kilang** dan pelaksanaan **TPM**. Semua perubahan ini telah membantu menjadikan GAB lebih cekap menjalankan perniagaan kita. Apabila kita menaikkan taraf kerja kita, kita tergalak untuk menjadi lebih baik lagi, dan produktiviti yang meningkat pada satu bahagian meningkatkan lagi produktiviti di bahagian lain.

**Proses pengstrukturkan syarikat** amat menyakiti kita semua terutama semasa kita menjalankan dasar pemberhentian secara sukarela, yang mengakibatkan ramai kakitangan meninggalkan GAB. Akan tetapi, tanpa langkah itu, kita tidak akan lebih kompetitif hari ini. Langkah **mengautomasikan** kilang dan **TPM** juga memperbaiki dan menstabilkan kualiti produk kita dan memperbaiki suasana kerja bagi kita. Pengenalan **teknologi baru** membolehkan kita bekerja dengan lebih efisen, manakala **TPM** membawa perubahan minda untuk mewujudkan budaya penambahanbaikan yang berterusan.

Pada mulanya memang sukar untuk menerima perubahan; bagaimanapun apabila para pekerja kita menyedari manfaatnya, mereka melibatkan diri, menyokong dan menerima perubahan itu. Proses ini bukan mudah, dan kita terpaksa berubah untuk bertahan. Selagi kita bersatu dan **berkongsi bersama nilai-nilai syarikat**, kita akan terus berkembang dan muncul dengan lebih kukuh.

# Focus

## Further Enriching Surrounding Communities Terus Memperkaya Masyarakat Sekeliling



**RENUKA INDRARAJAH**  
Director of Corporate  
Relations and Legal  
Pengarah Perhubungan  
Korporat dan  
Undang-Undang

GAB has always been committed to **enriching** the surrounding **communities**: where we work, where we live, and where we do business, internally as well as externally. In the past few years, in order to **deepen our involvement** and to demonstrate our commitment to the surrounding communities even more, we **set up** the **GAB Foundation**.

The Foundation has three key areas in which we focus our energies; **the environment, the community and education**. We've started an ongoing, **long-term initiative to clean up Sungai Way**, and within the company, we've started recycling our CO<sub>2</sub> as well as set up freon-free air conditioning systems. We have also started education initiatives such as **Supporting Malaysian Indian Learning, Education and Sports (SMILES)**.

Initially, we faced many challenges in engaging the community because of the nature of the business, and we faced local government apprehension and red tape. We also had to change the mindsets of those using Sungai Way as a communal rubbish dump. But today, what a difference! We have persevered, continued to reach out, and finally earned their regard. Government has come around in a big way, we've seen positive responses from all quarters, and even the Malay media is starting to notice the work we've been doing. Most importantly, our activities are **bringing communities together**.

GAB setiasa komited untuk **memperkayakan masyarakat** sekeliling; di tempat bekerja, di kawasan tinggal, dan di kawasan kita berniaga, sama ada di dalam maupun di luar. Dalam usaha **mendalami penglibatan kita** dan untuk membuktikan komitmen kita kepada masyarakat sekeliling, kita telah **menujuhkan Yayasan GAB**.

Yayasan ini menumpu usaha dalam tiga bidang utama; **alam sekitar, masyarakat dan pendidikan**. Kita menjalankan **usaha jangka panjang** yang berterusan untuk **membersihkan Sungai Way**, manakala secara dalaman, kita mengitar semula CO<sub>2</sub>, selain memasang sistem pendingin hawa yang bebas freon. Kita juga mula melaksanakan daya usaha pendidikan seperti **projek SMILES**.

Kita menghadapi cabaran dalam usaha menarik penyertaan masyarakat kerana jenis perniagaan kita, dan kita berhadapan dengan kesangsian kerajaan tempatan. Kita juga terpaksa mengubah sikap penduduk yang menganggap Sungai Way sebagai tempat buang sampah. Namun, kita tetap cekal dan meneruskan usaha mendekati mereka dan akhirnya kita berjaya mendapat pengiktirafan daripada mereka. Kita mendapat respons yang positif daripada semua pihak, malahan media bahasa Melayu sendiri mulai nampak apa yang kita lakukan selama ini. Yang paling pentingnya, aktiviti kita **menyatukan komuniti-komuniti di sekitar**.

## Through it All Melalui Segalanya



**LOW TENG LUM**  
Executive Director  
Pengarah Eksekutif

Change is the only constant in life. A successful organisation must keep re-inventing itself in order to be relevant to customers' needs, and there can be no doubt that GAB has been through some momentous changes. In addition to what my colleagues have said, let me also highlight some other unforgettable changes we undertook.

We established **QDVP3** to be **relevant to consumer needs** in 2000 and **set up Marketing Finance** to facilitate active **outlet acquisition** and **value capture** in 2002. We switched to **portfolio marketing** in 2004 and **shifted our focus** from **from sales to marketing** to address consumers' needs in 2005. We **set up** our **vision and values** to reconnect staff and ambition in 2006, **activated Trade Marketing** in 2007, and tried out **portfolio promotion** in 2008.

These and other changes have led to the last **10 years of successes** and as a result, we have built a very competitive and winning team. Hence, we are now empowering the next tier of management to make decisions in the marketplace. The reorganisation of the sales force and the supporting finance team has this end in mind.

Perubahan adalah satu-satunya perkara yang tetap dalam kehidupan ini. Organisasi yang berjaya hendaklah sentiasa mencipta diri semula, dan GAB memang telah melalui banyak perubahan penting. Saya ingin menarik perhatian kepada beberapa perubahan yang tidak dapat dilupakan.

Kita melaksanakan **QDVP3** untuk **memenuhi keperluan pelanggan** pada 2000 dan **mewujudkan bahagian Kewangan Pemasaran** bagi memudahkan kemilikan cawangan dan **penangkapan nilai** pada 2002. Kita bertukar kepada **pemasaran portfolio** pada 2004 dan **mengalihkan fokus daripada jualan kepada pemasaran** bagi memenuhi kehendakan pengguna pada 2006, **mengaktifkan Pemasaran Niaga** pada 2007, dan cuba melaksanakan **promosi portfolio** pada 2008.

Semua ini beserta dengan perubahan-perubahan lain menghasilkan **kejayaan kita 10 tahun kelak**, dan kita telah berjaya membina satu pasukan pemenang yang kompetitif. Oleh itu, kita sedang berusaha untuk memperkasakan satu lagi peringkat pengurusan untuk membuat keputusan di pasaran.

# WELCOME TO THE FAMILY!

You may have noticed two new faces in the management team recently; they are our new CFO, Chong Wai Choong and Sales Director, Thum Chee Yuen. Behind their professional exterior, they are ardent sportsmen. ICON takes some time to know them better.

Anda mungkin sedar akan kehadiran dua wajah baru di dalam pasukan pengurusan baru-baru ini; mereka ialah CFO baru kami, Chong Wai Choong dan Pengarah Jualan, Thum Chee Yuen. Di belakang wajah profesional mereka, mereka ialah pemain sukan yang aktif. ICON menemubual mereka untuk mengenali mereka dengan lebih lanjut.



## Stabilising Financial Matters

Mengstabilkan Hal-hal Kewangan

**CHONG WAI CHOONG**  
Chief Financial Officer  
**Pegawai Kanan Kewangan**

Our new Chief Financial Officer (CFO), Chong Wai Choong, is no stranger to hard work, whether physical or mental. This former Selangor State cyclist still jogs 3 km every day before going to work, and previously headed off to the gym after work 3 times a week. He is also a highly experienced man of business, having filled roles as diverse as Financial Controller, Company Secretary and Chief Information Officer. Wai Choong believes in effective time management and information flow. "Email is good for disseminating key information to a group, formal meetings should be planned well ahead and informal meetings are for quick updates - but we must be sure we do not waste time!" And does Wai Choong still cycle? That drew a wry response from him. "The only cycling I do now is in the gym! Traffic is getting worse, and it's dangerous for cyclists!"

Pegawai Kanan Kewangan (CFO) baru kami, Chong Wai Choong, memang biasa bekerja keras, dari segi fizikal ataupun mental. Bekas penunggang basikal Negeri Selangor ini masih berjoging 3 km setiap hari sebelum waktu kerja, dan dahulunya pergi ke gim selepas waktu kerja 3 kali seminggu. Beliau juga ialah orang yang berpengalaman dalam perniagaan, setelah memegang pelbagai jawatan seperti Pengawal Kewangan, Setiausaha Syarikat dan Pegawai Kanan Teknologi Maklumat. Wai Choong percaya dalam pengurusan masa dan aliran maklumat yang berkesan. "Emel baik untuk memberi maklumat penting kepada kumpulan tertentu, temujanji rasmi harusnya dirancang dari awal dan temujanji tidak rasmi adalah untuk mengemaskini dengan cepat – tetapi kita mesti memastikan kita tidak buang masa!" Adakah Wai Choong masih berbasikal? "Saya hanya gunakan basikal di gim! Kesesakan lalulintas semakin buruk, menyebabkan suasana merbahaya untuk penunggang basikal!"

Likes: Clear, open & honest communication  
Dislikes: Politics & vague communication.

Suka: Komunikasi yang jelas, jujur dan terbuka  
Tidak suka: Politik dan komunikasi yang tidak jelas



## Braced for Success

Bersiap Sedia untuk Kejayaan

**THUM CHEE YUEN**  
Sales Director  
**Pengarah Jualan**

Slightly over one month after he took office, Sales Director Thum Chee Yuen is already hard at work and making waves in GAB. He has revamped the incentive schemes for our main dealers and has more plans and projects waiting in the wings. When asked about his preferred working style, Chee Yuen replied that he has no specific preference, "...as I believe in a combination of various modes of communications to get the right message across." Chee Yuen enjoys swimming, especially in the crystal clear coral islands off the East Coast.

Lebih daripada satu bulan dia mengambil alih, Pengarah Jualan Thum Chee Yuen sudah bekerja keras dan membuat perubahan di GAB. Dia telah mengubah skim insentif untuk pengedar utama kita dan dia masih ada pelbagai pelan dan projek yang belum dijalankan. Apabila ditanya mengenai cara bekerjanya, Chee Yuen berkata dia tidak memiliki cara yang khusus, "... saya percaya dalam kombinasi cara berkomunikasi untuk menyampaikan mesej yang tepat." Chee Yuen gemar berenang, terutamanya di pulau-pulau berbatu karang di Pantai Timur.

Likes: Challenges & competitions  
Dislikes: Mediocrity & hypocrisy

Suka: Cabaran dan persaingan  
Tidak suka: Sambil lewa dan kemunafikan

## CHANGE BEGINS WITH YOU PERUBAHAN BERMULA DENGAN ANDA

**L**ife is full of changes. As a fresh graduate, I started my career in the civil service, and in those days, they believed you learnt best by doing the work. So they threw you into the deep end! I was forced to adapt to the work, which led me to change myself. I was also transferred to various departments within the civil service, and even moved from town to town. I wouldn't have progressed far in my career if I didn't adapt to the changing environments time and again.

Something I've noticed about change is that when you change, you also effect change in others. I'm happy that by helping to set up MAS, I was part of something big that led to a host of changes for Malaysia. It changed the way people travelled to Malaysia and how we travelled elsewhere.

Change is global. If you were to look at the history of civilisation, you will see that society has been changing and will continue to change.

Certainly, the way we do business has changed over the years. Everything has become faster and more efficient. What used to take us days to finish can be done in a matter of hours. Look at the airline industry. Back in my day, we had to manually check-in

hours in advance for a 40-minute-long flight! Now, with online check-in, this is no longer the case. Passengers can check-in online and print their own ticket in minutes. Airlines who do not offer this facility will languish behind their competitors, as customers will always prefer companies that offer better services. And so it is throughout the business world. If you don't accept change, you will be left behind.

GAB has been changing in so many ways in order to stay at the top, varying from different packaging to different products to suit the consumers' tastes to the change in organisational structure. I am very pleased to see in GAB how well people accepted the Sales force restructuring, which was a major change. In contrast to the other organisations that resisted change, I believe we have a more educated workforce that understands the need for it, the mechanics involved, and is prepared to accept the challenge.

**"when you change, you also effect change in others."**

If you look at the people who have made something of themselves, these are the people who have accepted challenges throughout their lives, and I am glad that there are so many of you go-getters in GAB. As we continue changing to improve and better ourselves as a business, we will also bring additional benefit to our stakeholders and business partners, the fruit of which can be seen in the GAB HERO Academy and the GAB Foundation, for instance. It is my hope that all of you will not only continue to embrace the changes that will naturally come our way, but also become ambassadors of change.

**K**ehidupan penuh dengan perubahan. Sebagai graduan yang baru, saya memulakan kerjaya saya dalam perkhidmatan awam, dan pada zaman itu, mereka yang baru bekerja terpaksa menanggung pelbagai tugas! Saya juga telah ditukarkan ke pelbagai jabatan dalam perkhidmatan awam, malahan ditukarkan dari sebuah bandar ke bandar lain. Sudah tentu saya tidak akan dapat berkembang jauh dalam kerjaya saya sekiranya saya tidak dapat menyesuaikan diri dengan suasana perubahan dari masa ke semasa.

Seperkara yang saya dapati mengenai perubahan ialah apabila kita berubah, kita juga meninggalkan kesan perubahan itu ke atas orang lain. Saya berasa bangga bahawa dengan membantu menubuhkan MAS, saya menjadi sebahagian daripada satu perkara besar yang membawa banyak perubahan bagi Malaysia.


Perubahan merupakan proses global. Jika anda melihat sejarah tamadun, anda akan dapati masyarakat melalui perubahan dan akan terus berubah. Pastinya, cara kita menjalankan perniagaan telah berubah dari tahun ke tahun. Segala-galanya berlaku dengan lebih pantas dan lebih berkesan.

**“apabila kita berubah, kita juga meninggalkan kesan perubahan itu ke atas orang lain.”**

Lihatlah industri penerbangan sekarang. Suatu ketika dulu kita terpaksa melakukan proses pendaftaran masuk secara manual lebih awal – untuk menerbang selama 40 minit! Sekarang dengan proses pendaftaran masuk melalui Internet, para penumpang boleh mencetak tiket mereka sendiri dalam masa beberapa minit sahaja. Syarikat-syarikat penerbangan yang tidak menyediakan kemudahan sebegini akan tercincir jauh ke belakang berbanding dengan pesaing-pesaing mereka, kerana para pelanggan lebih berminat memiliki syarikat yang berkhidmat dengan lebih cekap. Keadaan ini juga berlaku seluruh dunia perniagaan.

GAB telah melalui perubahan dalam banyak cara untuk kekal di atas, daripada segi pembungkusan yang berbeza kepada pelbagai produk untuk memenuhi selera pengguna sehingga kepada perubahan dari segi pengstuktur pertubuhan. Saya gembira melihat bagaimana kakitangan menerima pengstuktur semula pasukan Jualan, yang merupakan satu perubahan besar. Berbeza dengan syarikat lain yang menolak perubahan, saya percaya kita mempunyai pekerja yang lebih berpelajaran yang memahami keperluan perubahan itu, selok-belok yang berkaitan dengan perubahan tersebut, dan mereka sanggup menerima cabaran.

